

BAB IV

DASAR LUAR MALAYSIA DI BAWAH DR MAHATHIR

"We will certainly continue with these policies and if possible we will make ourselves heard even louder because we think that what the voters have done is endorse our foreign policy"- Dr. Mahathir Mohamad. dalam Greg Sheridan, *Tigers-Leaders of The New Asia-Pacific*, m.s. 186.

4.1 Pengenalan

Dasar Luar adalah kelanjutan daripada dasar dan kehendak domestik seseorang ketua negara atau sesebuah negara. Dalam hubungan ini Dr. Mahathir telah mewarnai perlaksanaan dasar luar yang '*assertive*'¹ semenjak enam belas tahun yang lalu, dengan tujuan mengekalkan kedudukan dan meningkatkan faedah dan kepentingan peribadi beliau khasnya dan Malaysia pada amnya. Pada pandangan penulis di dalam negeri Dr. Mahathir cuba meletakkan kedudukan beliau lebih tinggi dari isu yang '*perennial*' iaitu masalah etnik dengan melaksanakan dasar-dasar yang lebih liberal. Sementara itu di arena politik antarabangsa Dr. Mahathir Mohamad mengambil pendekatan konfrantational ke atas negara-negara maju untuk meningkatkan imej peribadi beliau dan dengan itu dapat mengekalkan malah menambahkan lagi sokongan yang padu daripada rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa. Dalam bab ini pengkaji akan menghuraikan definisi kosep-konsep utama bagi kajian ini iaitu, dasar luar, politik dan keselamatan. Seterusnya penulis akan menghuraikan isu-isu dasar luar dalam manifesto pilihanraya kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Ini diikuti oleh penelitian ke atas isu-isu dasar luar dalam ucapan Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung Tahunan

¹ Chin Kin Wah, "A New Assertiveness In Malaysian Foreign Policy", dalam *Southeast Asian Affairs*, 1982 (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1982), m.s. 273.

UMNO bagi mendapatkan tema-tema utama dasar luar Malaysia semenjak tahun 1981 sehingga tahun 1995.

4.2 Definisi Konsep-Konsep Utama

Sebelum penulis menyentuh dasar luar Dr. Mahathir secara terperinci maka terlebih dahulu penulis memberikan definisi kepada beberapa konsep penting iaitu pertamanya apa itu dasar luar, kedua iaitu dimensi politik dan keselamatan. Mengkaji dasar luar dan hubungan dua buah negara adalah merupakan kajian politik antarabangsa dalam erti kata yang luas.

4.3 Dasar Luar

Bagi kajian ini penulis mengemukakan dua definisi dasar luar, pertamanya definisi umum dan yang keduanya ialah definisi khas bagi Malaysia. Definisi umum dasar luar ialah :

*"foreign policy consist of two elements: national objectives to be achieved and means for achieving them. The interaction between national goals and the resources for attaining them is the perennial subject of statecraft. In its ingredients the foreign policy of all nations, great and small, is the same."*²

Bagi definisi khas penulis meminjam definisi dasar luar yang diberikan oleh Mohd. Ghazali Shafie. Definisi tersebut ialah :

*"Foreign policy is concern with safeguarding and promoting national interests. Relations among nations change as their national interests dictate... our basic national interest... are the security and the wellbeing, both economic and otherwise of our nation."*³

² Cecil V. Crabb dalam Theodore A. Coulumbis and James H. Wolfe, *Introduction To International Relations-Power and Justice*, (New Jersy: Prentice Hall, 1990), m.s. 114.

³ M. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, (Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sendirian Berhad, 1982), m.s. 164.

Berasaskan dua definisi di atas penulis mendefinisikan dasar luar Malaysia sebagai satu garis panduan bagi tindakan dan gelagat Malaysia dalam hubungannya dengan negara-negara luar atau pertubuhan antarabangsa dengan tujuan untuk mengekalkan kekuatan politik, ekonomi, sosial, ugama dan kedaulatan serta meningkatkan kepentingan dan keuntungan tambahan dalam aspek-aspek tersebut yang belum lagi diperolehi oleh Malaysia.

4.3.1 *Sumber-Sumber Dasar Luar*

Dalam membincangkan sumber-sumber dasar luar, penulis mengambil pendekatan yang dibuat oleh J.Saravanamuttu. Pada pandangan beliau dasar luar sesebuah negara berpunca dari empat faktor. Faktor yang pertama ialah “*eco-historical*”, kedua faktor luaran, ketiga faktor dalaman dan keempat ialah “*idiosyncratic*” atau **keperibadian seseorang pemimpin**.⁴ Walaupun empat faktor-faktor di atas ada memberi kesan kepada pembentukan dan pelaksanaan dasar luar Malaysia pada pengamatan penulis faktor yang **terpenting dalam mempengaruhi pembentukan dan perlaksanaan dasar luar Malaysia 1981-1995 ialah faktor keperibadian Dr. Mahathir**. Oleh itu pandangan Dr. Mahathir terhadap peranan Malaysia dalam politik serantau dan antarabangsa yang boleh membantu meningkatkan dan mengekalkan kekuasaan politik domestik beliau telah mewarnai pembentukan dan perlaksanaan dasar luar untuk tempoh enam belas tahun yang lalu.

4.4 Politik

Politik secara amnya bagi kajian ini bermaksud apa-apa aktiviti yang dilakukan oleh negara untuk mencapai kepentingan nasional “*national interest*”. Namun secara spesifik politik

⁴ J. Saravanamuttu, *The Dilemma Of Independence: Two Decades of Malaysia's Foreign Policy, 1957-1977*, (Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1983), m.s. 9.

bagi kajian ini ialah usaha mengekalkan apa yang telah dipunyai oleh Dr. Mahathir atau Malaysia dan menambahkan kepentingan atau keuntungan yang beliau atau Malaysia belum lagi miliki. Pendirian penulis tersebut berasaskan politik itu sebenarnya boleh memberikan faedah kepada individu dan juga masyarakat.⁵

4.5 Keselamatan

Seterusnya keselamatan bermaksud mencegah dan meredakan ancaman dari luar negara. Dengan itu apa yang dimaksudkan dengan ancaman kepada sesebuah negara bagi kajian ini adalah luas dimana ia merangkumi **tiga dimensi ancaman** iaitu pertamanya politik, keduanya ekonomi, ketiga sosial serta ugama.

4.6 Gaya Dr. Mahathir Menangani Dasar Luar Malaysia

Pada pandangan penulis walaupun terdapat empat faktor yang menentukan pembentukan dan perlaksanaan dasar luar sesebuah negara, namun bagi Malaysia faktor *idiosyncracy* Dr. Mahathir amat dominan. Ini kerana gaya Dr. Mahathir yang dikatakan “*assertive, contentious, confrontational and abusive.*”⁶ Semenjak berkuasa pada tahun 1981, Dr.Mahathir telah memberi warnanya yang tersendiri terhadap hubungan luar Malaysia berasaskan dasar luar yang “*assertive*” dijalankan oleh beliau. Ini kerana setiap Perdana Menteri Malaysia yang sebelumnya juga mempunyai gaya yang tersendiri dalam menangani dasar luar Malaysia. Semenjak tahun 1981, dasar luar Malaysia ditentukan oleh pandangan Dr. Mahathir terhadap peranan Malaysia dalam politik dunia dan kesannya kepada kedudukan politik domestik beliau. Aspek yang terpenting sekali

⁵ Lihat Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya- Contesting Nationalism and The Expansion of Public Sphere* , (Cambridge: Cambridge University Press, 1994), m.s. 294.

⁶ William Case,”Comparative Malaysian Leadership - Tunku Abdul Rahman and Mahathir Mohamad”,*Asian Survey* Vol.XXXI, No. 5 , May 1991, m.s. 458.

ialah keinginan beliau untuk melihat negara ini mencapai taraf negara maju yang bebas dan dihormati. Ini selaras dengan rasa tidak puas hati beliau terhadap dasar luar Malaysia di peringkat awal yang belum bebas seperti katanya:

*"Malaysia's foreign policy in the past had been influenced by what may be termed as an 'apron-string complex' nurtured by the former Prime Minister Tunku Abdul Rahman. It seems that confidence in Malaya and Malaysia as a truly independent country was lacking."*⁷

Bermula daripada tahun 1981 beliau begitu berpengaruh sekali dalam pembentukan dasar luar Malaysia. Daripada pengamatan penulis era Mahathir merupakan satu era pemusatan kuasa untuk memutus dan melaksanakan dasar luar bagi tujuan mencapai kepentingan kedudukan peribadi Dr. Mahathir dalam hiraki politik Malaysia dan melayani egonya di pentas dunia.

Salah satu contoh pengaruh beliau yang dominan ialah dalam usaha untuk melahirkan diplomat Malaysia yang benar-benar profesional dan pengurus dasar luar yang cekap untuk mengambil peluang yang wujud dalam dunia diplomasi serta meningkatkan kepentingan negara, maka Institut Diplomasi dan Hubungan Luar ditubuhkan pada tahun 1991. Apa yang menarik ialah institut latihan ini diletakkan di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri dan tidak di bawah kawalan Kementerian Luar Negeri.

Faktor utama yang menyebabkan Dr. Mahathir begitu dominan ialah kerana Wisma Putra tidak mempunyai pandangan jauh dan dianggap oleh pengkritik sebagai hanya bertindakbalas kepada sesuatu peristiwa. Dalam lain perkataan Kementerian Luar Malaysia hanya melakukan tindakan secara "ad hoc" sahaja.⁸

⁷ Dr. Mahathir Mohamad, "Trends in Foreign Policy and Regionalism" dalam Patrick Low(ed), *Proceedings and Background Papers on Trends in Malaysia*, (Singapore:Institute of Southeast Asian Studies, 1971) m.s. 33.

⁸ Datuk Abdullah Ahmad, "A Diplomatic Education at The United Nation", dalam *Business Times*, 16 May 1997.

Namun beliau berjaya meletakkan profile Malaysia di tahap yang tinggi di pentas dunia ekoran keupayaan beliau terlibat secara langsung dan aktif dalam membentuk dan melaksanakan dasar luar yang berpandangan jauh. Tambahan pula dengan kuasa beliau, yang tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak seperti yang di jelaskan dalam bab III, maka apa sahaja hasrat beliau pada umumnya telah dilaksanakan secara penuh komitmen oleh agensi pelaksana.

Penguasaan beliau ke atas dasar luar negara adalah selaras dengan kejayaan Dr. Mahathir memperkuatkan kedudukannya setelah menguasai atau mengurangkan pengaruh institusi-institusi penting yang menentukan perjalanan sistem politik Malaysia iaitu Raja-raja Melayu, badan kehakiman dan meningkatkan sokongan daripada masyarakat bukan Melayu dengan melaksanakan dasar-dasar yang lebih liberal. Lebih dari itu institusi ketenteraan yang juga pernah diketuai oleh ahli keluarga Perdana Menteri.

Satu kelainan dalam era pentadbiran beliau didapati ada peningkatan dalam peranan badan-badan bukan kerajaan atau “*NGO*” yang mempunyai hubungan secara terus dengan beliau tanpa perlu melalui Kementerian Luar Negeri. Badan-badan tersebut termasuklah yang paling berpengaruh pada pandangan penulis iaitu “*think tank*” seperti ISIS. Dalam hubungan ini ISIS telah merangka dan membantu melahirkan Wawasan 2020⁹ dan mencadangkan kepada kerajaan Malaysia supaya tidak mengambil keputusan untuk keluar dari Komanwel.¹⁰

⁹ Kenyataan Dr. Mahathir dalam, *Wawasan 2020 Dan Perkhidmatan Awam Malaysia*, (Kuala Lumpur: Intan, 1994), m.s. 160-161.

¹⁰ Lihat *Far Eastern Economic Review*, “Staying On The Inside”, 5. November 1987.

4.7 Menteri Luar dan Keberkesanan Dasar Luar Era Dr.Mahathir

Dalam tempoh kajian didapati lima orang Menteri Luar telah ditugaskan untuk melaksanakan dasar luar negara. Mereka ialah Tan Sri Ghazali Shafie, Tengku Ahmad Rithaudeen, Datuk Rais Yatim, Datuk Abu Hassan Omar dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Datuk Rais Yatim walaupun menteri luar yang paling singkat berkhidmat didapati sempat menggariskan matlamat asas¹¹ yang hendak ditekankan oleh kementerian luar, iaitu pertamanya mendapatkan tambahan pelaburan dalam apa juu bentuk bagi Malaysia, keduanya menerangkan serba serbi tentang negara Malaysia, ketiga mewujudkan hubungan erat dengan masyarakat perdagangan dan akhir sekali mendapatkan bidang-bidang kerjasama mengenai dadah, kebudayaan, pelajaran, latihan dan lain-lain.

Didapati walaupun menteri-menteri beliau tersebut mempunyai kekuatan masing-masing namun pada pandangan penulis dua orang diantaranya memberi sumbangan yang lebih besar membantu Dr. Mahathir dalam melaksanakan dasar luar beliau yang proaktif semenjak enam belas tahun yang lalu. Pertamanya ialah Tan Sri Mohd Ghazali Shafie sebagai seorang berpengalaman luas dalam hal-ehwal antarabangsa dan keselamatan telah memberi sumbangan yang besar diperingkat awal pentadbiran Dr. Mahathir.

Sejak kebelakangan ini Datuk Abdullah Ahmad Badawi merupakan seorang menteri luar yang efektif dalam melaksanakan dasar luar Dr. Mahathir. Buktinya ialah semasa Datuk Abdullah, Malaysia telah mendapat pengiktirafan yang berturut-turut d peringkat antarabangsa seperti pemilihan Malaysia sebagai Presiden Perhimpunan Agung

¹¹ Dato ' Rais Yatim, "Ke Arah Prestasi Yang Lebih Cemerlang Bagi Para Diplomat Malaysia," *Buletin Intan*, April-Mei 1987, m.s. 3.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pemilihan Malaysia sebagai perunding utama dalam penggubalan perlombagaan Fiji, pemilihan tentera dan polis Malaysia untuk menyertai misi damai anjuran Bangsa-Bangsa Bersatu di Angola, Bosnia dan Kemboja. Walau bagaimanapun adalah tidak adil untuk membandingkannya dengan menteri-menteri luar yang lalu kerana banyak faktor keadaan yang membantu kejayaan Datuk Abdullah.

Faktor-faktor tersebut ialah di waktu Datuk Abdullah memegang jawatan menteri luar, ekonomi Malaysia sangat stabil dan mengalami pertumbuhan yang tinggi. Tambahan pula sistem komunikasi dunia sungguh canggih dan Malaysia mampu untuk memiliki bagi melancarkan perlaksanaan dasar luar. Dua faktor tersebut sangat penting dalam membantu kelancaran perjalanan tugas Datuk Abdullah. Walau pun prestasi menteri luar era Dr. Mahathir adalah berbeza-beza namun pada keseluruhannya penulis menghujahkan peranan mereka adalah terhad. Ini kerana pengaruh dan gaya Dr. Mahathir sangat dominan dalam membentuk dan melaksanakan dasar luar. Semuanya itu tidak menghairankan kerana **matlamat dasar luar adalah satu perlanjutan daripada matlamat dasar domestik**. Kalau Dr. Mahathir telah melakukan apa sahaja langkah untuk **mempertahankan kedudukan dan memperkuatkan kuasa beliau untuk kepentingan peribadi dan negara** maka aktiviti luarnya tidak berbeda dari tujuan di atas.

4.8 Dasar Luar Malaysia Dalam Manifesto Pilihanraya Umum.

Semasa pemerintahannya Dr. Mahathir telah mengetuai Barisan Nasional dalam empat pilihanraya umum yang telah diadakan iaitu tahun 1982, 1986, 1990, dan 1995. Daripada manifesto-manifesto Barisan Nasional bagi tahun-tahun tersebut analisis isu dasar luar yang diketengahkan adalah seperti di perenggan berikut.

Dalam manifesto tahun 1982 bertemakan “Bersih, Cekap, dan Amanah” terdapat satu sahaja ayat yang berkaitan dengan dasar luar negara yang menjadi janji Barisan

Nasional. Ianya berbunyi “kita akan meneruskan ikhtiar memajukan dasar aman, bebas dan berkecuali bagi Tenggara Asia”¹². Dengan itu jelaslah pada peringkat awal pentadbiran Dr. Mahathir, beliau tidak begitu memberi perhatian yang serius kepada isu-isu dasar luar dalam kempen pilihanraya jika dilihat berasaskan kandungan manifesto pilihanraya dalam usaha untuk memenangi pilihanraya umum tahun 1982.

Seterusnya isu dasar luar telah mendapat tempat yang lebih banyak dalam manifesto pilihanraya umum BN pada tahun 1986. Dasar luar yang ingin diperjuangkan oleh kerajaan BN seperti yang terdapat dalam manifesto yang bertemakan “Tradisi Membela Rakyat” itu mengandungi dua perenggan seperti berikut:

“Malaysia ialah sebuah negara kecil dalam dunia pelbagai pancaroba. Ramai yang berpendapat bahawa yang wajar bagi sebuah negara kecil dalam serba merbahaya ialah bertelut lutut. Kami menolak anggapan itu. Kita bukan satu bangsa dan negara yang melutut. Kalau sejarah menghukum kita bersalah kerana berjuang mengekalkan darjat kita supaya dihormati oleh negara-negara lain, maka kita berbangga dengannya.

Kami akan berusaha untuk menjadi kawan semua negara yang menghormati mertabat manusia. Prinsip-prinsip murni Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu mestilah dijadikan kenyataan. Kita tidak berganjak dari kemerdekaan dan tidak akan berhenti memperjuangkan hak negara atau bangsa lain untuk merdeka, untuk menghapuskan belenggu penjajahan demi menikmati udara kebebasan.”¹³

Berikutnya dalam pilihanraya umum tahun 1990 kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir telah menyenaraikan empat perenggan kejayaan dan apa yang akan diperjuangkan oleh Malaysia berkaitan dengan hal-hal antarabangsa dalam

¹² *Manifesto Barisan Nasional 1982*, (Tanpa Tarikh).

¹³ Tradisi Membela Rakyat- *Manifesto Barisan Nasional 1986*, (Kuala Lumpur: Ibu Pejabat Barisan Nasional, Tanpa Tarikh)

manifestonya yang bertemakan “Kearah Keamanan, Kestabilan dan Kemakmuran Malaysia.” Di bawah ini ialah kejayaan dan harapan kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir berkaitan dengan dasar luar negara:

“Malaysia hari ini lebih dikenali dan memainkan peranan yang aktif dalam hal ehwal antarabangsa.

Kita dipilih menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan 77, Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Negara-Negara Komanwel, Jawatankuasa Mengenai Masa Depan Komanwel, Kumpulan 15 negara-negara membangun dan lain-lain lagi.

Di samping bergiat aktif dalam ASEAN kita juga memainkan peranan yang penting dalam Pertubuhan Persidangan Islam, Pergerakan Berkecuali dan Persidangan Antarabangsa mengenai Penyalahgunaan Dadah. Malaysia mengasaskan Suruhanjaya Selatan-Selatan dan memperjuangkan supaya Antartika dipelihara untuk warisan manusia sejagat.

Malaysia telah memperolehi banyak faedah daripada penglibatan aktifnya dalam hal-ehwal antarabangsa. Kita sekarang mempunyai hubungan perdagangan dengan lebih banyak negara. Kini kita tidak terlalu bergantung kepada segelintir rakan perdagangan kita di masa lalu. Sekarang ini Malaysia dikenali sebagai satu destinasi pelancungan.

Kerajaan BN akan terus memainkan peranan yang aktif dalam hal-ehwal antarabangsa bagi mendapat faedah ekonomi dan politik untuk rakyat dan negara dan juga untuk meningkatkan penghormatan kepada negara. Dasar berkecuali dan hubungan berbaik-berbaik dengan negara-negara lain akan memperkuuhkan kemerdekaan dan kebebasan kita menentukan masa depan negara”¹⁴.

Akhir sekali dalam pilihanraya umum yang terbaru iaitu pada tahun 1995 didapati dasar luar Malaysia dinyatakan dengan jelas dalam manifesto Barisan Nasional yang bertemakan “Barisan Nasional - Berwawasan, Adil dan Efisien”.

¹⁴ Barisan Nasional,- Ke arah Keamanan, Kestabilan, dan Kemakmuran Negara, *Manifesto Barisan Nasional* , (Tanpa Tarikh)..

Dinyatakan kerajaan Barisan Nasional akan mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara di dunia tanpa mengambil kira sistem pemerintahan mereka dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. Menjalin hubungan mesra dengan semua negara membangun dan maju
- ii. Menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu secara aktif dan bermakna
- iii. Menyokong usaha ke arah keadilan bagi semua negara dan menentang segala usaha menggongkong negara-negara kecil dan lemah
- iv. Menyokong kebebasan negara-negara lemah daripada diperalatkan oleh kuasa besar
- v. Mengkritik segala bentuk penindasan dan ketidakadilan oleh sesiapa sahaja
- vi. Mempertahankan kebebasan perdagangan dunia tanpa syarat dan kaitan dengan isu-isu lain, dan
- vii. Mendukung konsep keserantauan terbuka atau “*open regionalism*”.¹⁵

Setelah menyertai pilihanraya berdasarkan tujuh matlamat dasar luar seperti di atas dan memenangi pilihanraya umum 1995 dengan cemerlang, Dr.Mahathir menyatakan kemenangan itu menggambarkan sokongan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan termasuk dasar luar.

4.9 Dasar Luar Malaysia Dalam Ucapan Perhimpunan Agung UMNO

Isu hubungan luar mendapat perhatian Dr.Mahathir dalam beberapa ucapan perasmian Perhimpunan Agung UMNO semenjak beliau menjadi Perdana Menteri

¹⁵ Barisan Nasional- Berwawasan ,Adil, Efisien, *Manifesto Barisan Nasional* (Kuala Lumpur:Ibu Pejabat Barisan Nasional, Tanpa Tarikh).

Malaysia pada tahun 1981. Pada tahun 1982, 1986 dan 1987 didapati beliau memberi perhatian yang khas terhadap isu dasar luar dalam ucapan-ucapan beliau.

Ternyata dalam ucapannya pada tahun 1982, Dr.Mahathir telah mengadakan satu pengubahsuaian pendekatan terhadap hubungan dengan negara-negara asing dengan menggariskan senarai keutamaan. Katanya senarai keutamaan ialah seperti berikut:

“Kita memberi keutamaan yang tertinggi kepada perhubungan dengan negara-negara ASEAN.”

“Keutamaan kita yang kedua ialah perhubungan dengan negara-negara Islam.”

“Kita berkecuali dan oleh itu kita akan teruskan keanggotaan kita dan peranan kita dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali”.

“Kita akan kekal sebagai ahli Komanwel dan akan memainkan peranan dalam pembangunan negara-negara kecil”.

“Akhirnya yang menjadi tumpuan kita sekarang ialah perhubungan dua hala”.¹⁶

Seterusnya dalam tahun 1983 Dr. Mahathir menegaskan sekali lagi bahawa senarai keutamaan itu adalah sama dan menambah bahawa asas dasar luar Malaysia ialah untuk bersahabat dengan semua negara yang ingin bersahabat dengan Malaysia.

Setelah memenangi pilihanraya umum pada tahun 1986, Dr. Mahathir mengatakan dasar luar perlu ditegaskan semula. Mengikut beliau kerajaan pimpinan UMNO akan terus mengutamakan ASEAN sebagai satu pakatan jiran sewilayah dan penerusan kerjasama dengan Singapura dinyatakan dengan jelas. Keutamaan

¹⁶ Dr. Mahathir Mohamad, Ucapan Di Perhimpunan Agung UMNO 1982, dalam *Dr. Mahathir Mohamad, Arkitek Bangsa*, (Kuala Lumpur: IQ Communication, 1992), m.s. 21-22.

Malaysia selepas itu ialah negara-negara Islam atau OIC dan diikuti oleh Negara-Negara Berkecuali. Malaysia memerlukan Negara-Negara Berkecuali kerana ia merupakan sebagai “third force” dalam menghadapi dua blok iaitu Timur dan Barat. Dalam hubungan ini Dr. Mahathir menegaskan Malaysia memerlukan kawan yang setaraf dengan Malaysia dan bukan kuasa besar yang memandang kita hanya sebagai *client state* sahaja.

Pada kali ini beliau tidak menyenaraikan Komanwel dalam senarai keutamaan dasar luar sebaliknya menyatakan “Satu kajian terperinci akan dibuat berkenaan dengan Pertubuhan Komanwel untuk mengetahui faedah daripada keahlian kita di dalamnya”. Akhirnya beliau menegaskan “Dasar Pandang ke Timur akan diteruskan. Kebudayaan dan moraliti bangsa-bangsa di Timur lebih secocok dengan kita. Di samping itu cara-cara mereka membangunkan negara mereka membawa lebih banyak kejayaan, dan kita tidak mahu meniru orang yang gagal.”¹⁷

Sekali lagi pada tahun 1987, Dr. Mahathir menyentuh tentang dasar luar Malaysia. Katanya dasar luar telah di selenggarakan dengan tegas. Tegasnya walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang kecil, Malaysia tegas memperjuangkan sesuatu yang difikirkan tidak adil. Dalam hubungan ini kata Dr. Mahathir:

“Kita tidak harus angkuh dan sompong. Kita harus berbaik-baik dengan orang lain. Kita harus sederhana dan toleran. Tetapi semua ini diasaskan kepada *reciprocity*, atau timbalbalas, iaitu jika kita menghormati mereka pihak mereka pula hendaklah menghormati kita. Inilah asas dasar luar negeri kita. Kita bukan *client state* atau negara pelanggan kepada sesiapa.”¹⁸

¹⁷ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad bertajuk “Tegas Menghadapi Serangan”, pada 18 September 1986, dalam, Dr. Mahathir Mohamad, *Arkitek Bangsa*, (Kuala Lumpur: IQ Communication, 1992), m.s. 128-130.

¹⁸ Ucapan Dr. Mahathir Mohamad bertajuk “Kukuh UMNO Kukuh Negara”, pada 24 April, 1987 dalam *Ibid*, m.s. 142.

Selepas tiga belas tahun memimpin Malaysia Dr. Mahathir dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun 1994, dengan bangga menyatakan bahawa Malaysia telah dihormati di peringkat antarabangsa. Semuanya itu dicapai setelah negara ini di bawah pimpinan beliau telah menyuarakan pendapat dengan lantang memperjuangkan hak-hak yang sah bagi Malaysia dan negara-negara membangun yang lain di arena politik antarabangsa. Dalam hubungan ini katanya:

“Hari ini duta-duta kita menyatakan betapa mereka berasa gembira dan bangga menjalankan tugas. Di mana-mana sahaja pintu resmi kerajaan terbuka kepada mereka. Mereka diterima sebagai perwakilan negara yang dihormati.”¹⁹

4.10 Tema-Tema Utama Dasar Luar Dr. Mahathir Mohamad.

Pada asasnya dasar luar Dr. Mahathir mementingkan aspek keselamatan pada peringkat awal pemerintahannya. Tetapi bermula dari tahun 1985 keutamaan kepada aspek ekonomi.²⁰ Seterusnya selepas berakhir Perang Dingin bidang ekonomi dan perdagangan menjadi keutamaan. Pada keseluruhannya dapatlah dikatakan penekanan diberikan kepada dasar luar yang berdasarkan ekonomi.²¹ Oleh kerana persekitaran keselamatan antarabangsa telah berubah dengan berakhirnya Perang Dingin didapati ada perubahan terhadap penekanan terhadap matlamat utama Malaysia khasnya peningkatan kepentingan ekonomi Malaysia di luar negeri. Tentunya ini selaras dengan wawasan beliau untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara industri yang maju pada tahun 2020.

¹⁹ Dr. Mahathir Mohamad, *Ucapan Perasmian Perhimpunan Agung UMNO 1994*, m.s. 17.

²⁰ Tengku Ahmad Rithauddeen, “Foreign Economic Policy” dalam *Foreign Affairs Malaysia*, March 1985, Vol. 18 No. 1. m.s. 21.

²¹ K.S. Nathan, “Vision 2020 and Malaysian Foreign Policy-Strategic Evolution and The Mahathir Impact” dalam *Southeast Asian Affairs 1995*, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1995), m.s. 233.

Setelah dikaji ucapan-ucapan beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO dan Manifesto Pilihanraya Umum Barisan Nasional maka didapati tema-tema utama dasar luar Malaysia di bawah kepimpinannya dapat dibahagikan kepada enam tema. Tema itu ialah ASEAN, OIC, NAM, Komanwel, Dasar Pandang ke Timur dan isu Antartika.

4.10.1 Negara-Negara ASEAN

Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin pragmatik yang sangat mementingkan kemajuan ekonomi negara. Prasyarat untuk mencapai tahap kemajuan itu ialah Malaysia perlu berada dalam satu kawasan atau persekitaran serantau yang stabil. Dalam hubungan ini mengikut Dr. Mahathir,

“.... ASEAN remains at the forefront of our foreign policy priorities... to prosper we have to have the kind of regional environment that is conducive to economic growth. Malaysia’s adherence to the principles of ASEAN cooperation is therefore not altruistic. It is enlightened self interest.”²²

Kelihatan dalam petikan di atas pada pendapat pengkaji kepentingan peribadi beliau juga merupakan faktor utama yang mempengaruhi Malaysia memberikan keutamaan kepada kerjasama ASEAN.

Sebelum tamatnya Perang Dingin pada tahun 1990 negara-negara ASEAN adalah sangat penting dalam menstabilkan rantau Asia Tenggara yang terbahagi kepada blok sosialis yang diketuai oleh Vietnam dan blok pro Barat iaitu ASEAN. Dr. Mahathir menyedari bahawa tanpa kestabilan di rantau ini maka Malaysia tidak akan berada dalam keadaan aman yang mana iaanya sangat penting untuk kestabilan politik

²² Petikan dalam Rajmah Hussin, “*Malaysia at the United Nations: A Study of Foreign Policy Priorities*”, Tesis PhD University Of London, 1988, m.s. 87.

bagi membangunkan negara. Tambahan pula Malaysia disebabkan oleh kedudukan geografinya, menghadapi masalah sempadan dan tuntutan bertindih dengan beberapa negara jiran seperti Brunei, Singapura, Indonesia dan Thailand. Pentingnya ASEAN kepada Malaysia tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak.

Dengan adanya ASEAN, empat masalah Malaysia telah dapat dikurangkan iaitu pertamanya ialah ia dapat mengurangkan keseteruan di antara Malaysia dan Indonesia akibat daripada Konfrontasi, kedua ia boleh mewujudkan kerjasama Malaysia dan Thailand khasnya di kawasan perbatasan kedua negara, ketiga ia juga menyediakan satu forum bagi menangani tuntutan Filipina ke atas Sabah dan yang keempat ialah ASEAN boleh memudahkan hubungan Malaysia-Singapura.²³

Terbukti dasar yang mengutamakan ASEAN memberi banyak faedah kepada Malaysia. Ancaman komunis dalaman dan luaran khasnya dari Indocina telah dapat ditangani dengan jayanya hasil kesepakatan negara-negara anggota yang mementingkan nilai-nilai ASEAN iaitu membuat sesuatu keputusan secara konsensus apabila menghadapi isu-isu besar di Asia Tenggara. Contoh yang paling jelas ialah isu penaklukan Kampuchea oleh Vietnam.

Bagaimanapun pada masa yang sama sifat Dr. Mahathir yang lantang dan pro aktif serta percaya kepada usaha dan keupayaan diri sendiri, dapat dilihat apabila beliau mencadangkan pembentukan "*East Asian Economic Group-EAEG*" tanpa mendapat persetujuan anggota ASEAN terlebih dahulu terutamanya Presiden Soeharto dari Indonesia. Akibatnya sambutan dari negara rakan ASEAN terhadap

²³ David Camroux, *Looking East..... and Inwards: Internal Factors In Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994* , (Queensland, Faculty of Asian and International Studies, 1994), m.s. 14.

cadangan Malaysia untuk menubuhkan *EAEG* agak tidak menggalakkan lalu sebagai kompromi negara-negara anggota bersetuju supaya *EAEG* digantikan dengan *East Asian Economic Caucus-EAEC* dan beroperasi dalam kerangka *Asia Pacific Economic Cooperation-APEC*. Walau bagaimanapun sehingga kini *EAEC* belum dapat ditubuhkan setelah ditentang oleh Amerika Syarikat.

4.10.2 Persidangan Negara-Negara Islam - Organization Of Islamic Conference-OIC

Malaysia merupakan anggota *OIC* semenjak penubuhan organisasi tersebut pada tahun 1969 ekoran Persidangan Kemuncak Islam Rabat²⁴. Apabila struktur *OIC* diwujudkan secara rasmi pada tahun 1970 Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam yang pertama.²⁵ Namun berbanding dengan penyertaan sebelumnya, era Dr. Mahathir menunjukkan secara *explicit* bahawa penglibatan Malaysia dalam aktiviti *OIC* telah dipertingkatkan. Mengikut Hussein Mutalib “*pro-Islam orientation of Mahathir was evident if we were to look at Malaysia's foreign policy*”.²⁶

Pada umumnya didapati dua faktor utama yang menyebabkan Malaysia mengambil pendirian yang sedemikian iaitu pertamanya ia mengambil kira isu kebangkitan semula Islam pada akhir tahu tujuh puluhan, menyebabkan sebahagian besar rakyat Islam Malaysia mengambil perhatian yang berat terhadap ugama Islam. Keduanya ialah untuk kepentingan domestik di mana UMNO terpaksa berhadapan

²⁴ Lihat Noor Ahmad Baba, *Organization of Islamic Conference-Theory and Practice of Pan-Islamic Cooperation*, (New Delhi: Sterling Publishers Private Limited, 1994), m.s. 1 dan 63.

²⁵ Mokhtar A. Kadir, *Keamanan Sejagat-Peranan Malaysia dalam Politik Antarabangsa*, (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991), m.s. 91.

²⁶ Lihat Hussin Mutalib, *Islam In Malaysia-From Revivalism to Islamic State*, (Singapore: Singapore University Press, 1993), m.s. 32. dan Robert O. Tilman, *Southeast Asia and The enemy Beyond ASEAN Perception of External Threats*, (Boulder: Westview Press Inc., 1987), m.s. 44

dengan pembangkang dari Parti Islam untuk mendapat undi dalam Pilihanraya Umum. Dalam hubungan ini Hussin Mutalib menegaskan “*Mahathir's supportive policies in favour of Islam, is his attempt to outwit the Islamic Party, PAS in their legitimacy quest for Malay-Muslim votes*”²⁷. Walau bagaimanapun Malaysia telah mengambil langkah yang berhati-hati terhadap negara-negara Islam yang dikira radikal seperti Libya, Syria dan Iran.

4.10.3 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali - Non Aligned Movement-NAM.

Malaysia menganggotai *NAM* pada tahun 1970, dan menyertai Sidang Kemuncaknya yang pertama di Lusaka, Zambia. Walaupun Malaysia telah lama menyertai *NAM* semenjak tahun 1970, tetapi Dr. Mahathir dilihat sebagai melakukan perubahan yang nyata apabila beliau berusaha keras untuk menjayakan kerjasama negara-negara kurang maju di Selatan. Dalam hubungan inilah Malaysia telah dipilih sebagai tuan rumah kepada Sidang Kemuncak Negara-Negara Kumpulan 15 atau *G-15* pada 1 hingga 3 Jun 1990 di Kuala Lumpur.

Hasil utama persidangan tersebut ialah penubuhan *South Investment, Trade, Data Exchange Centre*, *-SITDEC*, iaitu sebuah pusat databank yang dijangka dapat membantu peningkatan dalam perdagangan di antara Negara-Negara Selatan. *SITDEC* merupakan salah satu daripada tiga projek yang dipersetujui di mana dua lagi ialah pertamanya mekanisma kewangan untuk perdagangan dan yang kedua ialah forum perniagaan. Kejayaan itu adalah kecil berbanding dengan tiga belas projek yang telah dicadangkan.²⁸

²⁷ *Ibid.* Hussin Mutalib, m.s. 78.

²⁸ *Asiaweek* 15 June 1990.

4.10.4 Negara-Negara Komanwel

Dr. Mahathir telah memberi keutamaan yang paling bawah kepada Negara-Negara Komanwel dalam dasar luar Malaysia. Ini kerana beliau menganggap negara-negara tersebut hanya banyak bercakap tanpa menghasilkan sesuatu perkara berfaedah yang konkret. Akibatnya Malaysia memulaukan Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel di Melbourne pada tahun 1981 dan New Delhi pada tahun 1983.²⁹

Walau bagaimanapun ekoran daripada dua kajian yang dilakukan oleh Wisma Putra dan ISIS, Malaysia mengekalkan keanggotaanya. Kajian ISIS berdasarkan “*cost-benefit analysis*”³⁰ mendapati keahlian Malaysia akan memberi faedah dari segi kerjasama dan peluang untuk menyuarakan pendapat di pentas dunia maka Dr. Mahathir telah menukar fikirannya dan Malaysia telah menawarkan dan akhirnya menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel - *Commonwealth Head Of Government Meeting- CHOGM* pada tahun 1989 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur.

Terdapat dua sebab utama yang mendorong Dr. Mahathir menawarkan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah persidangan CHOGM yang menelan belanja RM 36 juta tersebut. Sebab yang pertama ialah Dr. Mahathir ingin menggunakan peluang itu untuk memperkenalkan Langkawi sebagai tempat ‘*retreat*’ bagi Ketua-Ketua Negara Komanwel. Yang kedua ialah untuk membantu dan meningkatkan industri pelancungan secara umumnya.³¹

²⁹ Lihat Mohamad Muda, “Malaysia-South Africa Relations And The Commonwealth, 1960-95.” dalam *The Round Table*, (1996), 340 (423-439).

³⁰ Lihat Muhammad Muda, “Malaysia’s Foreign Policy and The Commonwealth” dalam *The Roundtable* (1991), 320 (455-466), m.s. 462.

³¹ Muhammad Muda, *Malaysia’s Foreign Policy..... Ibid.* m.s. 464-465.

Apa yang menarik ialah cara Dr. Mahathir mengubah pendirian tanpa perancangan dan perbincangan terlebih dahulu mengenai penganjuran CHOGM di Kuala Lumpur dengan mana-mana pihak. Keputusannya di Vancouver untuk menawarkan Kuala Lumpur sebagai tuan rumah persidangan *CHOGM* telah mengejutkan banyak pihak termasuk Wisma Putera.³²

4.10.5 Dasar Pandang Ke Timur.

Dasar pandang Ke Timur diumumkan oleh Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982, adalah berkait rapat usaha meningkatkan pengurusan ekonomi Malaysia. Ianya bertujuan untuk menjadikan negara-negara Timur yang maju sebagai contoh kepada orang-orang Malaysia. Nilai-nilai utama yang ingin dicontohi ialah kerajinan bekerja, menjaga kebersihan dan ketertiban rumah tangga dan kampung halaman. Seterusnya memandang ke Timur mengikut Dr. Mahathir juga bermakna memandang kepada diri sendiri, memupuk nilai-nilai baik yang sedia ada dan mengikis nilai-nilai yang kita tahu tidak bermanfaat.

Apa yang menarik ialah pemimpin Singapura Lee Kuan Yew terlebih dahulu mengajak rakyatnya belajar daripada Jepun. Mengikut Suzuki Shizuo '*Singapore's Prime Minister announced a policy to encourage the people "to learn from Japan" in 1980*'³³. Dengan itu dalam aspek memandang ke Timur itu ada persamaan di antara Dr. Mahathir dengan Lee Kuan Yew dan persamaan itulah merupakan faktor penting yang menyebabkan ada peningkatan dalam persefahaman dalam hubungan kedua negara. Perkembangan hubungan yang menjadi hampir normal di antara Malaysia-Singapura akan diulaskan secara yang lebih terperinci dalam bab enam.

³² Muhammad Muda, *Malaysia's Foreign Policy.. Ibid.* m.s. 463.

³³ Suzuki Shizuo, "Political Change in ASEAN Countries" dalam Okabe Tatsumi (ed), *Twenty Years of ASEAN- Its survival and development*, (Tokyo: The Japan Institute of International Affairs, 1988) m.s. 35.

4.10.6. Isu Antartika.

Isu Antartika dibangkitkan dan diperjuangkan oleh Malaysia era Dr. Mahathir supaya benua tersebut diwarisi oleh semua umat manusia berdasarkan kepada pertimbangan keadilan. Malaysia terus berjuang untuk membebaskan Antartika dari dieksplotasi oleh negara-negara tertentu sahaja sehingga kini. Walaupun usaha Dr. Mahathir memperjuangkan isu tersebut telah memperkenalkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa, banyak pengkritik mengatakan ianya tidak rasional, membazir dan buang masa sahaja.³⁴

4.11 Kesimpulan

Daripadauraian di atas adalah terbukti bahawa kepimpinan Dr. Mahathir bertanggungjawab menjadikan dasar luar Malaysia sebagai pro-aktif dan tegas dalam memperjuangkan isu-isu antarabangsa khasnya untuk kepentingan Malaysia dan negara-negara sedang membangun yang lain. Hubungan luar negara menjadi lebih teratur dan jelas kerana Dr. Mahathir telah menetapkan urutan kepentingan mengikut senarai keutamaan.

Dalam melaksanakan dasar luar Malaysia yang “*assertive*” beliau telah dibantu oleh lima orang menteri luar. Dua orang menteri luar iaitu Mohd Ghazali Shafie dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi terserah sumbangan masing-masing berbanding dengan tiga orang menteri luar yang lain. Walau bagaimanapun Wisma Putra pada keseluruhannya bertindak hanya semata-mata berdasarkan kemahuan Dr. Mahathir.

³⁴ Mohd Yusuf Ahmad, *Continuity and Change in Malaysia's Foreign Policy, 1981-1986*, Tesis PhD, Fletcher School of Law and Diplomacy, 1990, m.s. 366.

Dr. Mahathir mahu melihat sesuatu keadaan yang ideal dalam hubungan Utara-Selatan. Kelantangan beliau di pentas antarabangsa banyak dibantu oleh kejayaan beliau memimpin dan mengubah negara ini dari sebuah negara pertanian yang bergantung kepada bahan utama kepada salah sebuah pengeksport barang perkilangan yang utama di dunia.

Namun dasar luar terlalu lantang itu kadang kala tidak konsisten seperti memulaukan sidang Ketua-Ketua Negara Komanwel dan melaksanakan Dasar ‘*Buy British Last*’ dan menarik balik kedua-dua tindakan tersebut, setelah ianya tidak menguntungkan negara khasnya dalam aspek pelaburan dan perdagangan diperingkat awal pentadbirannya. Satu lagi tindakan yang tidak konsisten ialah sikap beliau terhadap Republik Rakyat China di mana pada tahun 1981 beliau menganggap negara tersebut sebagai “*disruptive*”³⁵ tetapi hari ini hubungan Malaysia-China sangat rapat malah hampir setiap hari Kuala Lumpur dikunjungi oleh delegasi dari Republik Rakyat China.³⁶

Tidak keterlaluan jika dikatakan Dasar Pandang ke Timur hanya dapat dianggap tidak lebih daripada pemberian keistimewaan oleh Malaysia kepada syarikat gergasi Jepun dan Korea Selatan dalam bentuk kontrak yang besar nilainya. Selanjutnya ada juga isu yang diperjuangkan oleh Dr. Mahathir tidak dikaji dengan mendalam maka ianya tidak memberi sebarang hasil yang positif. Contoh yang jelas ialah usaha Malaysia untuk menjadikan benua Antartika sebagai warisan masyarakat dunia.

Akhirnya satu aspek penting ialah walaupun Dr. Mahathir banyak memperkenalkan pendekatan dan isu baru dalam hubungan antarabangsa, satu perkara yang amat penting dan kurang diberi perhatian ialah penegasannya pada tahun

³⁵ Lihat Kalyanai Bondyopadhyaya, *Political Economy Of NonAlignment-Indonesia and Malaysia*, (New Delhi: South Asian Publishers Pvt. Ltd. 1990), m.s. 264.

³⁶ Komunikasi dengan Responden.

1982 bahawa yang menjadi tumpuan kita sekarang ialah perhubungan dua hala.

Berasaskan kenyataan tersebutlah kajian ini cuba membuktikan bahawa Dr. Mahathir membawa pendekatan yang berbeda di mana di peringkat antarabangsa beliau kelihatan sangat lantang dan keras **tetapi dalam menangani hubungan Malaysia - Singapura secara relatifnya beliau bersikap lembut**. Oleh itu jelaslah Dr. Mahathir seorang pragmatik telah menggunakan dasar luar sebagai kelanjutan kehendak politik dalam negeri beliau. Dr. Mahathir mahu mengekalkan kedudukan yang sedia ada dan meningkatkan kepentingan peribadi dan negara dengan harapan utama supaya beliau dapat bertahan di kedudukannya dengan lebih lama.